

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Haji Abdul Rahman Bin
Mohamad [Lipis]**

TARIKH : 30 Mac 2017

**SOALAN : Dato' Haji Abdul Rahman Bin
Mohamad [Lipis] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan secara jelas usaha
dan bantuan kerajaan kepada
pengusaha kelapa dalam
menggalakkan sektor penanaman
kelapa yang mana ianya sudah
diisytiharkan sebagai bahan komoditi
pada baru-baru ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menyediakan beberapa bantuan kepada pengusaha dalam menggalakkan sektor penanaman kelapa. Antaranya adalah :

- a) Projek penanaman semula kelapa dengan varieti berhasil tinggi seperti kelapa hybrid MATAG, Pandan, *Malayan Yellow Dwarf* (MYD) dan *Malayan Red Dwarf* (MRD). Kadar bantuan maksimum adalah sebanyak RM20,000/ha untuk tempoh 4 tahun;
- b) Projek pemulihan kawasan kebun kelapa yang masih produktif. Kadar bantuan maksimum sebanyak RM5,500/ha untuk tempoh 3 tahun; dan
- c) Projek integrasi kawasan kelapa dengan tanaman lain. Kadar bantuan maksimum sebanyak RM10,000/ha setahun;

Selain daripada itu, Jabatan Pertanian bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) sedang giat menjalankan pengeluaran benih yang berkualiti tinggi dan boleh memberikan hasil optimum seperti Matag dan Pandan. Benih ini akan dibekalkan kepada pengusaha bagi membantu meningkatkan pengeluaran. Namun demikian, kapasiti pengeluaran benih ini masih dipertingkatkan dengan kerjasama syarikat swasta bagi memenuhi keperluan pengusaha.

Selain itu, mekanisasi dan automasi industri kelapa seperti alat pemanjat kelapa, mesin pengupas sabut kelapa, mesin penghancur sabut dan penghasilan hampas kelapa (*cocopeat*) dan mesin pemerah VCO merupakan inovasi DOA dan MARDI yang boleh diaplikasikan oleh petani bagi mempercepatkan dan memudahkan proses penuaian dan lepas tuai selain mampu dimiliki oleh usahawan kecil dan sederhana.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bersama-sama DOA juga telah melaksanakan model pengurusan berpusat di Bagan Datuk dan Hutan Melintang di daerah Hilir Perak melibatkan kawasan seluas 187.5 hektar sejak tahun 2009 membabitkan seramai 123 peserta. Model ini bertujuan untuk mengeluarkan dan memasarkan hasil kelapa secara berpusat dan bersepadu melalui tanah-tanah milik ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Model ini dilihat berupaya meningkatkan pengeluaran kelapa dan berikutan itu ia boleh dikembangkan ke lokasi lain yang berpotensi seperti di Selangor dan Johor.